



JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

SEBUTHARGA NO : **JSANK/P/09/2022**

BERTARIKH : **07 JULAI 2022**

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G1** Kategori **CE** Pengkhususan **CE20** serta dimiliki **100%** oleh rakyat tempatan, berdaftar dengan Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan (JSANK) dan yang masih lagi dibenarkan untuk membuat kerja-kerja sebutharga di bawah ini:

TAWARAN BAGI KERJA-KERJA MEMBEKAL, MENURUN, MENYAMBUNG DAN MEMASANG PAIP HDPE (PN12.5) BERGARISPUSAT 160mm Ø BAGI BEKALAN AIR KEPADA PENDUDUK LUAR BANDAR SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI PARLIMEN MACHANG.

2. Dokumen sebutharga boleh diperolehi dari JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN (JSANK) mulai dari **19 Julai 2022 (Selasa)** hingga **24 Julai 2022 (Ahad)** dari [jam 8.30 pagi hingga 3.00 petang bagi hari Ahad hingga Rabu] manakala dari [jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari bagi hari Khamis] pada waktu pejabat. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tawaran sebutharga di atas hendaklah membawa sijil pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

3. Borang sebutharga dijual dengan harga **RM30.00** satu set. Bayaran boleh dibuat secara **Tunai** atau **Wang Pos** yang dibuat atas nama **PENGARAH JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN**.

4. Kontraktor yang berminat adalah **diwajibkan untuk menyertai satu lawatan ke tapak bina** yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh	:	17 Julai 2022 (Ahad)
Masa	:	10.00 Pagi
Tempat berkumpul	:	Pekarangan Masjid Ubudiah, Mukim Batu 23, Labok, Machang.

5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah/tinggi ataupun mana-mana tawaran.

6. Borang sebutharga yang telah diisi dengan lengkap dan dimeterikan di dalam sampul surat yang bertulis No. Sebutharga di sudut kiri sebelah atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan, Aras Bawah, Blok 4, Kompleks Kota Darulnaim tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari pada 25 Julai 2022 (Isnin)**.

**PERHATIAN !!!
BORANG SEBUTHARGA TIDAK AKAN
DIKELUARKAN PADA HARI IKLAN DITUTUP**

(TENGGU SHARIFUDDIN BIN DATO' TENGGU SHAH BUDDIN)
Pengarah,
Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan.